

07 APR 2002

Pembangkok-Terima kasih

PEMBANGKOK DIMINTA UCAP TERIMA KASIH KEPADA DR MAHATHIR

MELAKA 7 April (Bernama) -- Parti-parti pembangkang hari ini diminta turut mengucapkan terima kasih kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kerana berjaya memimpin negara dengan cemerlang dan disegani dunia.

Ketua Umno Bahagian Kota Melaka Datuk Amid Nordin berkata ucapan itu bukan sahaja patut diberikan oleh ahli Umno dan Barisan Nasional, tetapi juga parti pembangkang kerana mereka turut merasai keamanan, pembangunan dan kemudahan prasarana yang dilaksanakan secara menyeluruh di negara ini.

"Pembangkang seharusnya bersyukur kerana turut menikmati kemudahan yang disediakan kerajaan BN dan pembangunan yang diadakan bukan hanya untuk sesetengah kawasan, malah kawasan yang dimenangi pembangkang turut dimajukan," katanya ketika berucap pada mesyuarat Perwakilan Umno Bahagian Kota Melaka di sini, hari ini.

Mesyuarat itu dirasmikan oleh Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Amid berkata semua rakyat juga perlu mengucapkan terima kasih kepada Dr Mahathir dan Abdullah kerana skim rangsangan ekonomi yang diumumkan kerajaan tahun lepas membantu penduduk di kawasan luar bandar.

"Walaupun kawasan berkenaan diwakili oleh parti pembangkang, penduduknya turut menerima peruntukan bagi meningkatkan kemudahan prasarana," katanya.

Amid berkata Umno Bahagian Kota Melaka meletakkan sasaran untuk merampas tiga kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) dan satu Parlimen yang kini dikuasai parti pembangkang.

Tiga kerusi DUN yang dikuasai DAP ialah Tengkerah, Durian Daun dan Bandar Hilir manakala kerusi Parlimen dimenangi Setiausaha Agung DAP Kerk Kim Hock.

Di samping itu, kata beliau, Umno bahagian itu juga akan berusaha menarik lebih ramai orang Melayu menyertai Umno yang setakat ini mempunyai keahlian sebanyak 13,690 orang.

"Jumlah orang Melayu di Bahagian Kota Melaka ialah 25,000 orang dan jumlah keahlian Umno melebihi 50 peratus...kita yakin mampu menambah 10 peratus lagi," katanya.

Sementara itu, Ketua Menteri yang juga Pengerusi Badan Perhubungan Umno negeri Datuk Seri Mohd Ali Rustam dalam ucapannya berkata Umno dan Barisan Nasional negeri akan menggunakan pendekatan mesra rakyat dengan melayan setiap aduan yang diberikan.

"Kita mahu anggota parti membuat aduan jika tidak puas hati kerana pemimpin mereka tidak turun padang untuk menyelesaikan sebarang masalah," katanya.

Beliau berkata kerajaan negeri akan berusaha menyediakan lebih banyak kemudahan perniagaan terutama untuk orang Melayu bagi memberikan pembangunan seimbang di kawasan bandar Melaka.

-- BERNAMA

SBS MYD ZB